8 NOVEMBER 2026

CHURCH OF DIVINE MERCY

Alamat: 117, Jalan Kenari, Sg. Ara, 11900 Bayan Lepas, Pulau Pinang
Tel: 04-646 6881 / 013-584 6881 | **E-mel:** cdmpenang@outlook.com
Laman Web: www.cdm.my | **Facebook:** Church of Divine Mercy Sg Ara | **Instagram:** @cdmpenang
Jam Kerja Pejabat Paroki: *Tutup hari Isnin*
9.00pg - 5.00ptg (Selasa - Jumaat) | 9.00pg - 1.00ptg (Sabtu & Ahad)



Bicara Paderi...

Ketika kita mendekati akhir Tahun Liturgi, kita diajak untuk merenungkan dimensi kenabian Ekaristi, yang dipandang sebagai antisipasi dari Perjamuan Syurgawi, iaitu Perjamuan Perkahwinan. Dalam Alkitab, perkahwinan sering digunakan untuk melambangkan hubungan kasih yang istimewa antara Tuhan dengan umat-Nya. Dalam Yesaya 54:5 kita membaca, "Penciptamu adalah suamimu." Dalam Injil, Yesus Kristus, yang adalah Tuhan, mengenal pasti diri-Nya sebagai Pengantin Lelaki. Surat Santo Paulus kepada umat Kristian di Korintus menyatakan: "Aku telah bertunangkan kamu dengan satu Suami untuk mempersembahkan kamu sebagai perawan yang suci kepada Kristus" (2 Kor 11:2). Secara lebih luas, hubungan perjanjian ini berlaku bagi seluruh Gereja yang diundang ke jamuan perkawinan, sebagaimana yang diceritakan dalam Kitab Wahyu: "Berbahagialah mereka yang telah dipanggil ke jamuan perkawinan Anak Domba" (19:9).

Seluruh anggota Gereja dilambangkan oleh sepuluh perawan dalam Injil hari ini. Dalam perumpamaan tersebut, separuh daripada gadis-gadis itu bodoh, dan mereka tidak membawa minyak untuk pelita mereka. Separuh lainnya cukup bijaksana untuk membawa botol-botol minyak tambahan. Gadis-gadis bodoh itu sedang pergi membeli minyak ketika pengantin lelaki tiba. Gadis-gadis bijaksana sudah bersedia untuk menyambutnya, dan mereka masuk ke jamuan perkahwinan. "Kemudian pintu itu dikunci." Gadis-gadis bodoh itu datang terlambat dan berseru: "Tuhan, Tuhan, bukakanlah pintu bagi kami." Bukan sahaja Pengantin Lelaki tidak membuka pintu, tetapi Dia juga berkata kepada mereka, "Amin, Aku berkata kepadamu, Aku tidak mengenal kamu." Tanggapan ini kedengaran keras bagi telinga zaman modern, tetapi hal ini menekankan bahagian penting dalam pelajaran ini: Bersedia untuk menyambut Tuhan adalah soal kehidupan kekal atau kematian kekal. Oleh itu, Yesus mengakhiri perumpamaan ini dengan peringatan: "Oleh itu, berjaga-jagalah, sebab kamu tidak tahu hari atau jamnya."

Pengantin lelaki itu adalah Kristus. Kita semua menantikan kedatangan-Nya. Kita dapat memahami simbol minyak sebagai perwakilan dari segala sesuatu yang menjaga api kehidupan iman kita tetap hidup sementara kita menunggu.

Kerana kehidupan dalaman adalah tanggungjawab unik setiap individu, minyak yang menyokongnya tidak boleh dikongsi. Setiap daripada kita dipanggil untuk berusaha mencapai kesucian, dengan meletakkan cinta kita kepada Tuhan melalui perbuatan baik yang dilakukan bagi sesama. Amalan baik, tindakan amal, adalah minyak yang berharga! Kita membaca dalam Kitab Wahyu, "Berbahagialah orang mati yang mati dalam Tuhan mulai sekarang." "Berbahagialah mereka," kata Roh Kudus, "agar mereka dapat beristirahat dari usaha mereka, sebab perbuatan-perbuatan mereka mengikuti mereka!"

Untuk mengekalkan api cinta kita kepada Tuhan dalam hati kita, dan untuk memastikan bekalan minyak yang cukup, kita memerlukan kebijaksanaan. Bacaan pertama mengajar kita bahawa kebijaksanaan medah didapati bagi semua orang yang benar-benar menginginkannya. "Kebijaksanaan itu cemerlang dan tak pudar, dan dia mudah dilihat oleh mereka yang mencintainya serta ditemui oleh mereka yang mencarinya." Firman dalam Liturgi hari ini memberikan kita kebijaksanaan yang melimpah. Marilah kita mendengarkan firman ini dan mengamalkannya. Ertinya, janganlah kita "kehabisan minyak," tetapi sebaliknya amalkan perbuatan baik setiap hari dan kekal kuat dalam harapan, selalu bersedia untuk menanggapi kehadiran hidup Tuhan, Pengantin yang datang kepada kita.

"Berjaga-jagalah, sebab kamu tidak tahu hari atau jamnya."
– Matius 25:13

- Adakah saya hidup dengan iman dan kasih dengan tetap bersedia dan berjaga-jaga demi kehidupan kekal?
- Bagaimana caranya? Mengapa saya tidak selalu bijaksana dan berhati-hati dalam bekerjasama dengan rahmat Tuhan?
- Bagaimana saya mencari kebijaksanaan, mengingat kebijaksanaan itu sempurna, agung, bermanfaat, dan menggembirakan?

PENGUMUMAN PAROKI/DIOSIS

KOLEKSI MISA
Sabtu, 31 Okt (5.30ptg): RM1726.50 (Koleksi ke-1)
Ahad, 1 Nov (9.00pg): RM3008 (Koleksi ke-1)

MEDITASI & KARISMATIK
Pembaharuan Karismatik: **Rabu, 11 & 25 Nov** (8.00mlm) di Dewan St. Faustina
Meditasi Kristian: **Rabu, 18 Nov** (8.30mlm) di Bilik Adorasi St JP II

MENEBUS MASA: RETRET ADVENT DALAM TALIAN
Lima (5) pagi Sabtu bersama Monty Williams, SJ.
Kita dijemput oleh kehidupan kita untuk membawa Kristus ke dalam dunia kita hari ini dengan membuka diri kepada kasih Tuhan yang ada untuk kita dan dengan menerima kasih yang ada di hati setiap daripada kita. Dalam kontemplasi, kita menyatukan semua itu dalam perjalanan menuju Krismas.
Tarikh/Masa: Sabtu, **21 & 28 Nov, 5, 12 & 19 Dis** (8.45 pagi - 10.00 pagi)

SURAT KEPADA TUJUH GEREJA
Tujuh gereja dalam Wahyu menghadapi cabaran yang mungkin kedengaran sangat biasa. Apa yang dikatakan oleh Roh Kudus kepada Gereja kita hari ini, terutamanya melalui Majlis Pastoral Malaysia 2026 yang baru-baru ini? Sertai Advent ini bersama Fr. Michael Raymond OFM Cap. dan H. Em Kardinal Sebastian Francis ketika kita meneroka mesej-mesej Wahyu 2-3 dan kaitannya dengan iman, Gereja & misi kita.
Tarikh/Masa: Ahad **29 Nov & 6 Dis** 2026 (2.00pm - 5.00pm)
Tempat: Pusat Kerohanian Monsignor Aloysius

Lawati linktree/Saluran Whatsapp CDM Penang untuk semua borang pendaftaran.



	Masa Misa & Doa		Tarikh	Keterangan
	Chaplet Kerahiman Illahi Misa Bahasa	8.30pg 9.00pg	**Ahad** **8 Nov**	**Hari Minggu ke-32** **Waktu Biasa** Wis 6: 12-16 1 Thes 4: 13-18 (atau 4: 13-14) Mt 25: 1-13
	Tiada Misa		**Isnin** **9 Nov**	Upacara Peresmian Basilika Lateran
REKOLEKSI BULANAN PADERI	*Lauds* Misa **Chaplet Kerahiman Illahi**	6.20pg 6.45pg 3.00ptg	**Selasa** **10 Nov**	Santo Leo Agung, Paus & Doktor Gereja
	Tiada Misa **Chaplet Kerahiman Illahi**	3.00ptg	**Rabu** **11 Nov**	Santo Martinus dari Tours, Uskup
	Lauds Misa **Chaplet Kerahiman Illahi**	6.20pg 6.45pg 3.00ptg	**Khamis** **12 Nov**	Santo Josaphat, Uskup dan Martir
	Lauds Misa **Chaplet Kerahiman Illahi**	6.20pg 6.45pg 3.00ptg	**Jumaat** **13 Nov**	
	Lauds Misa **Chaplet Kerahiman Illahi** Misa	6.20pg 6.45pg 5.15ptg 5.30ptg	**Sabtu** **14 Nov**	
	Chaplet Kerahiman Illahi Misa	8.30pg 9.00pg	**Ahad** **15 Nov**	**Hari Minggu ke-33** **Waktu Biasa** Prov 31: 10-13, 19-20, 30-31 1 Thes 5: 1-6 Mt 25: 14-30 (atau 25: 14-15, 19-21)